



# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

## جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

### ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

DEPUTY VICE-CHANCELLOR  
(STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI)

Pusat Hal Ehwal Pelajar  
Tel.: 06-798 6100/6101 Faks: 06-798 6154

Ruj. Kami: USIM.700-5/2/5 ( 1 )  
Tarikh : 14 Syawal 1445/ 23 April 2024

#### SENARAI EDARAN SEBAGAIMANA LAMPIRAN 1

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

#### GARIS PANDUAN SKIM PERLINDUNGAN PELAJAR TEMPATAN (SPPT) UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah USIM Bil.1/2024 pada 29 Februari 2024 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan Skim Perlindungan Pelajar Tempatan (SPPT) USIM berkuatkuasa mulai **1 Mei 2024**. Skim ini merupakan skim perlindungan baharu yang diuruskan secara dalaman USIM bagi menggantikan perlindungan takaful pelajar tempatan yang diurus oleh syarikat takaful luar. Caj yuran insurans pelajar tempatan **dipinda** kepada caj yuran perlindungan pelajar tempatan di semua peringkat pengajian dan akan dimasukkan ke Akaun Amanah SPPT.

... 3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Skim Perlindungan Pelajar Tempatan (SPPT) USIM sebagai makluman dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dan seterusnya untuk dipanjangkan kepada staf di bawah seliaan masing-masing yang berkaitan. Garis panduan tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Hal Ehwal Pelajar.

4. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini, YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan boleh merujuk kepada Puan Amira Asyikin Razali di talian 06-798 6151 atau melalui emel [mirasyikin@usim.edu.my](mailto:mirasyikin@usim.edu.my).

Segala kerjasama berhubung perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(PROFESOR DATO' DR. ADNAN MOHAMED YUSOFF)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

- s.k.:
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Pendaftar
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang
  - Pengarah PHEP
  - Pengarah USIM 'Alamiyyah

**Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa**

**Knowledgeable, Disciplined and Devout**



Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia

Tel : (+6)06 - 798 8017 | Faks : (+6)06-799 1309 | [www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)

**GARIS PANDUAN  
SKIM PERLINDUNGAN PELAJAR TEMPATAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**1. PENGENALAN**

Skim Perlindungan Pelajar Tempatan (SPPT) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan skim perlindungan baharu yang diuruskan secara dalaman USIM bagi menggantikan perlindungan takaful pelajar tempatan yang diurus oleh syarikat takaful luar.

**2. SYARAT KELAYAKAN**

Skim perlindungan ini melibatkan semua pelajar tempatan secara sepenuh masa atau separuh masa yang berstatus aktif di peringkat program Tamhidi, Sarjana Muda, Diploma Pasca Siswazah, Sarjana dan Doktor Falsafah serta termasuk murid Kolej Permata Insan.

**3. SUMBER KEWANGAN, YURAN DAN TABUNG AMANAH**

Sumber kewangan adalah daripada caj yuran perlindungan pelajar tempatan. Caj yuran insuran pelajar tempatan **dipinda** kepada caj yuran perlindungan pelajar tempatan di semua peringkat pengajian. Caj yuran perlindungan pelajar tempatan tersebut dimasukkan ke Akaun Amanah SPPT USIM di bawah pengurusan Pusat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) dengan kerjasama Jabatan Bendahari.

**4. MANFAAT PERLINDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KADAR TUNTUTAN</b>
1.	Kematian Biasa/ Akibat Penyakit	RM15,000.00
2.	Kematian Akibat Kemalangan	RM15,000.00
3.	Keilatan Kekal Menyeluruh Biasa	RM15,000.00 (jumlah maksimum)
4.	Keilatan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	RM15,000.00 (jumlah maksimum)

## 5. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan menggunakan borang SPPT dan menyertakan dokumen lengkap seperti berikut:

- (i) Borang SPPT yang akan ditandatangani oleh pelajar/ waris;
- (ii) Sijil kematian (sekiranya berkaitan);
- (iii) Laporan perubatan daripada pegawai perubatan yang bertauliah (sekiranya berkaitan);
- (iv) Laporan polis (sekiranya berkaitan);
- (v) Salinan akaun bank waris (sekiranya berkaitan).

## 6. PROSES PERMOHONAN

BIL.	PERKARA	KAEDAH
1.	Penilaian keilatan kekal	Diuruskan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) berdasarkan perincian skala pampasan takaful bagi keilatan kekal sebagaimana di <b>Lampiran 1.</b>
2.	Peringkat kelulusan	Kelulusan TNC HEPA dan Pengarah PHEP bagi had kelulusan maksima RM50,000. Kelulusan melebihi jumlah RM50,000 akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
3.	Proses bayaran	Dokumentasi disediakan oleh PHEP dan dibayar oleh Jabatan Bendahari.
4.	Penyaluran Sumbangan	Dikreditkan ke akaun bank pelajar atau waris berdasarkan kes tuntutan.

## 7. CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN

Rujuk **Lampiran 2.**

## 8. AKSES GARIS PANDUAN DAN BORANG PERMOHONAN

- (i) Garis panduan boleh diakses melalui:  
<http://hep.usim.edu.my/peraturan-garis-panduan/>  
(Laman Web PHEP > Muat Turun > Peraturan dan Garis Panduan)
- (ii) Borang permohonan boleh diakses melalui:  
<http://hep.usim.edu.my/borang-penajaan-kebajikan-dan-tatatertib-2/>

**9. TARIKH KUATKUASA**

Pelaksanaan Skim Perlindungan Pelajar Tempatan (SPPT) adalah berkuat kuasa mulai **1 Mei 2024**.

**10. PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

Seksyen Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib  
Bahagian Pembangunan dan Kebajikan Pelajar  
Pusat Hal Ehwal Pelajar

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Tel : 06-798 6151 / 86160

Faks : 06-798 6154

Emel : [mirasyikin@usim.edu.my](mailto:mirasyikin@usim.edu.my) / [ziela@usim.edu.my](mailto:ziela@usim.edu.my) /  
[pengarah.hep@usim.edu.my](mailto:pengarah.hep@usim.edu.my)

## Lampiran 1

### Scale of Benefits

**Event:** Bodily injury caused solely and directly by accidental means which independently of any other cause shall within 12 calendar months' result in death, loss or disablement or necessitate medical and surgical treatment.

1	Total and permanent loss of all sight in one or both eyes	100%
2	Total loss by physical severance or total and permanent loss of use of a. One or both hands at wrist b. Arm at shoulder c. Arm between shoulder and elbow d. Arm at or below elbow e. Leg at hip f. Leg between knee and hip g. Leg at or below knee	100% 100% 100% 100% 100% 100% 100%
3	Total and permanent loss of: a. Sight in one eye except perception of light b. Lens of one eye	50% 50%
4	Total loss by physical severance or total and permanent loss of use of: a. Thumb and 4 fingers of one hand b. 4 fingers of one hand c. Thumb 2 phalanges 1 phalanx d. Index finger 3 phalanges 2 phalanges 1 phalanx e. Middle finger 3 phalanges 2 phalanges 1 phalanx f. Ring finger 3 phalanges 2 phalanges 1 phalanx g. Little finger 3 phalanges 2 phalanges 1 phalanx h. Metacarpals first or second (additional) third, fourth or fifth (additional) i. All toes of one foot j. Great toe 2 phalanges 1 phalanx k. Any other toe	50% 40% 25% 10% 15% 8% 4% 10% 4% 2% 8% 4% 2% 6% 4% 2% 3% 2% 18% 6% 3%
5	Total and permanent loss of a. Hearing in both ears b. Hearing in one ear	75% 15%
6	Total and permanent loss of speech  Where the injury is not specified the Company reserves the right to adopt a percentage of disablement which in its opinion is not inconsistent with the provision of the above scale.  "Total and permanent loss" includes total and permanent loss of use	50%

**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN SKIM PERLINDUNGAN PELAJAR TEMPATAN (SPPT)  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**TANGGUNGJAWAB**

**PROSEDUR**

**DOKUMEN**

